

Kerajaan perkemas sistem pentadbiran majlis agama

BH 21 JUN 2000

PUTRAJAYA, Selasa - Kerajaan akan memperkemas pentadbiran majlis agama Islam negeri, termasuk menyerasakan urusan pengurusan zakat, untuk memenuhi tuntutan rakyat yang mahukan kebertanggungjawaban dan ketelusan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata langkah itu akan menjadikan majlis agama Islam negeri sebagai organisasi cekap dan mampu memberi khidmat yang boleh dibanggakan masyarakat Islam.

Timbalan Perdana Menteri, berkata pentadbiran zakat perlu diberi perhatian kerana ada pihak mempersoalkan cara wang zakat ditadbir dan diagihkan.

"Orang Islam kini lebih pandai dan pemikiran lebih kritikal dan mahu tahu macam-macam. Dalam hal ini mereka tidak perlu bimbang kerana yang perlu ialah supaya ada usaha meningkatkan pengurusan zakat.

"Kita mahukan pentadbiran yang baik dan tidak lagi timbul isu tiada ketelusan dan syak daripada mana-mana pihak tentang cara zakat ditadbir, dikutip dan diagihkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam di sini, hari ini.

Abdullah, bagaimanapun, tidak menyatakan butiran cadangan itu melainkan berkata, mesyuarat hari ini membincangkan dua kertas kerja berkaitan langkah penyeragaman berkenaan.

Berita Harian difahamkan cadangan itu membabitkan penyelarasan jawatan pegawai majlis agama di seluruh negara di bawah pentadbiran pusat serta pengwujudan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (Luzam).

Abdullah berkata, butiran cadangan itu sedang diperhalusi secara berperingkat dengan membabitkan perbincangan dengan Perbendaharaan

dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau berkata, kerajaan mahu melaksanakan cadangan itu secepat mungkin kerana ia membabitkan kepentingan rakyat dan tidak menjangka banyak masalah untuk berbuat demikian.

"Tahun ini saya tak berani nak kata, kalau tahun ini pun mungkin pada penghujung tahun, tetapi tahun 2001, InsyaAllah kita dapat laksanakan, kalau tidak semua, sebahagian aspek itu," katanya

Abdullah juga berkata, penyeragaman kutipan dan agihan zakat tidak bermakna kerajaan pusat mengambil alih bidang kuasa majlis agama negeri.

"Kuasa majlis kita tidak ubah...siapa yang berkuasa dan bertanggungjawab dalam hal itu kekal sama...tujuan kita cuma meningkatkan tahap pengurusan dan pentadbiran," katanya.

Mengenai maksud sebenar di sebalik kenyataan

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pemimpin bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri, Abdullah berkata: "Itu kena tanya Perdana Menteri."

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri bercakap dalam konteks perpaduan rakyat Malaysia pada masa depan yang bakal menyaksikan penghapusan semangat perkauman.

"Pada lahirnya memang sudah jelas, tidak disebut dan dikhaskan dalam Perlembagaan (Persekutuan) mana-mana peraturan yang mengatakan penganut agama ini atau keturunan ini saja yang boleh jadi Perdana Menteri.

"Tiada sesiapa boleh bangun dan membantah apabila rakyat sudah memilih parti untuk memerintah. Dari segi itu ia boleh berlaku, bukan sesuatu yang mustahil dan dilarung undang-undang, itu yang Perdana Menteri sebut dalam ucapannya," katanya.